

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	02/8/2017B

Jangan pandang rendah pencapaian, kemajuan negara

um- 2/8/2017 B3.3

Rakyat perlu bangga

Oleh FARHANA JONI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 1 OGOS

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, seluruh rakyat seharusnya sentiasa berasa bangga dengan pencapaian serta kemajuan yang dikecapi Malaysia, dan bukannya memandang rendah terhadap potensi masa depan negara.

Perdana Menteri memberitahu, Malaysia mempunyai kekuatan tersendiri dan beliau yakin banyak perkara baik menanti seluruh rakyat dan negara ini pada masa hadapan.

Menurut beliau, ramai dalam kalangan rakyat yang gemar memandang rendah terhadap negara ini tanpa membuat penilaian sendiri dan berfikir terlebih dahulu ekoran dipergunakan oleh segelintir ahli politik yang mempunyai agenda masing-masing.

"Mereka memandang rendah terhadap negara malah menyebarkan fitnah atau perkara tidak betul mengenai Malaysia, tetapi apabila pihak luar mengunjungi negara ini dan mereka merasai sendiri pengalaman di sini sambil mengatakan 'hei, Malaysia bukan sebuah negara yang gagal dan awak sepatutnya bangga dengan Malaysia'".

"Banyak perkara sedang berlaku di Malaysia dan saya mahu seluruh masyarakat merasakan bahawa kita sedang bergerak ke hadapan menuju negara yang lebih baik dan ada harapan me-



NAJIB TUN RAZAK mencuba aktiviti silang kata selepas sesi dialog khas 'Design Thinking' Penggerak Transformasi Nasional 2050 sempena ulang tahun kelima pelancaran Genovasi Malaysia di Pusat Genovasi Malaysia, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/HAFIZ JOHARI

nanti kita pada masa hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merumuskan sesi dialog Pemikiran Reka Cipta Penggerak Transformasi Nasional 2050 (TN50) di Genovasi Malaysia (Genovasi) di Petaling Jaya dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nancy Shukri serta Penasihat Pembangunan Keusahawanan

dan Iktisas Wanita di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil.

Najib menambah, pemimpin dan kerajaan perlu memberi harapan mengenai masa depan kepada masyarakat termasuk mewujudkan pelbagai agenda transformasi untuk negara pada masa hadapan.

"Itu apa yang saya percaya dan sedang dilakukan menerusi TN50, mencipta masa depan ne-

gara selain itu menyedari bahawa sumber negara yang terhad ini perlu dimanfaatkan sebaik mungkin menerusi kreativiti dan inovasi seterusnya mengubah Malaysia menjadi negara terkemuka dalam tempoh 20 hingga 30 tahun akan datang," katanya.

Katanya, beliau tidak percaya terhadap penggunaan taktik politik menakut-nakutkan rakyat seperti yang berlaku pada era pemerintahan Nazi di Jerman.